



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

06.10.2023

## ❖ **Pendedahan maklumat penting yang tepat pada masanya**

Bursa Malaysia Securities baru-baru ini menegur secara terbuka sebuah syarikat tersenarai dan mengendakan denda ke atas segelintir pengarah syarikat kerana melanggar syarat-syarat penyenaraian. Ini berikutkan jawapan yang diberikan oleh Syarikat kepada pertanyaan berkaitan aktiviti pasaran luar biasa (*unusual market activity*, UMA) berhubung beberapa kontrak dan pemerolehan.

Bursa Securities selaku pengawal selia barisan hadapan, telah mengeluarkan pertanyaan UMA tentang aktiviti pasaran luar biasa yang melibatkan saham Syarikat. Menjawab pertanyaan Bursa berkaitan UMA, Syarikat menyatakan mereka tidak mengetahui apa-apa perkembangan korporat yang berkaitan perniagaan dan hal ehwal syarikatnya, termasuk yang dalam peringkat rundingan atau perbincangan, yang tidak diumumkan sebelum ini yang mungkin mencetuskan UMA.

Bursa Securities mendapati bahawa “jawapan Syarikat terhadap UMA adalah tidak berdasarkan fakta, tidak tepat dan tidak mengandungi maklumat yang mencukupi untuk pelabur membuat keputusan pelaburan termaklum”.

Bursa juga mendapati Syarikat telah menafikan bahawa mereka mengetahui tentang rundingan berhubung sebuah cadangan pengambilalihan, sedangkan cadangan pengambilalihan tersebut telah diluluskan secara prinsip oleh Lembaga Pengarah kira-kira dua minggu sebelum itu.

Pengendali Bursa itu menegaskan, kira-kira dua minggu selepas menerima maklum balas terhadap UMA, Syarikat telah mengumumkan sebuah memorandum kerjasama untuk melaksanakan kontrak dan cadangan pengambilalihan.

“Bursa Securities memandang serius pelanggaran itu kerana pendedahan maklumat penting yang tepat dan tepat pada masanya adalah syarat dan perkara asas untuk memastikan pelabur dan orang awam dimaklumkan sepenuhnya serta diberikan akses yang sama kepada semua maklumat penting itu bagi memudahkan mereka membuat keputusan pelaburan termaklum.

Ini adalah aspek yang penting ke arah membina dan mengekalkan kredibiliti korporat, integriti pasaran dan keyakinan pelabur,” tegasnya lagi.

## **Ada apa dengan pendedahan yang tepat pada masanya?**

Pendedahan maklumat penting yang tepat pada masanya oleh syarikat awam tersenarai adalah aspek kritikal dalam mengekalkan ketelusan, memastikan pasaran yang adil serta meneguhkan kepercayaan pelabur. Amalan ini melibatkan penyebaran maklumat yang tepat kepada orang awam dengan kadar segera, yang boleh memberi kesan terhadap harga saham, prestasi kewangan atau hala tuju strategik syarikat. Berikut adalah antara sebab dan kepentingan pendedahan maklumat penting yang tepat pada masanya:

- Ketelusan dan keyakinan pelabur

Pendedahan yang dibuat tepat pada masanya memupuk ketelusan dengan menyediakan pelabur maklumat yang tepat dan terkini tentang operasi, strategi dan kesihatan kewangan syarikat. Pelabur boleh membuat keputusan termaklum, justeru memupuk keyakinan mereka dalam pasaran kewangan. GIGO atau *garbage in garbage out* (masuk sampah, keluar sampah; mutu output bergantung secara langsung kepada kualiti input) bermakna keputusan yang dibuat oleh pelabur bergantung pada ketepatan, kesempurnaan dan kesahihan maklumat dalam pengumuman yang dibuat.

- Pasaran yang adil dan cekap

Penyebaran maklumat penting yang pantas memastikan semua pelabur mempunyai akses yang sama kepada data kritikal. Ini membantu memupuk pasaran yang adil dan cekap, mencegah penyebaran maklumat yang tak simetri serta mengurangkan kejadian perdagangan orang dalam atau manipulasi pasaran. Ini kerana setiap kali berlaku aktiviti pasaran yang luar biasa tanpa sebab akan mencetuskan syak wasangka *prima facie* bahawa seseorang mengambil kesempatan daripada maklumat yang tidak simetri. Sedangkan kita memerlukan padang permainan yang sama rata.

- Pematuhan terhadap piawaian kawal selia

Syarikat awam tersenarai dikehendaki mematuhi syarat-syarat kawal selia yang berkaitan pendedahan tepat pada masanya. Pematuhan terhadap piawaian ini bukan sahaja memastikan syarikat mematuhi undang-undang tetapi juga menunjukkan komitmen dan kesungguhan mereka untuk menerapkan amalan perniagaan yang beretika. Syarikat tersenarai perlu sedar, menyembunyikan kebenaran itu sama sahaja kesannya seperti berbohong. Justeru, mereka melakukan kesalahan apabila melakukan sesuatu dengan sengaja atau tidak disengajakan.

- Integriti dan kredibiliti Pasaran

Pendedahan maklumat yang tepat pada masanya melindungi integriti pasaran dengan menghalang penyebaran khabar angin atau maklumat yang salah daripada berleluasa. Ia juga meningkatkan kredibiliti syarikat kerana organisasi dianggap oleh pihak berkepentingan sebagai entiti yang boleh dipercayai serta bertanggung jawab terhadap tindak-tanduknya. Meskipun bukan aset ketara, namun nama jenama dan reputasi tetap memberikan kesan terhadap prestasi

syarikat. Syarikat dengan nama jenama yang tercemar atau reputasi yang meragukan sudah pasti dijauhi pelanggan.

- Rangkuman pihak berkepentingan

Pendedahan maklumat yang tepat pada masanya meluaskan rangkuman pihak berkepentingan melangkaui pelabur dan turut melibatkan pekerja, pelanggan, pembekal dan orang awam. Golongan ini bukan sahaja mempunyai kepentingan dalam prestasi syarikat malah berhak dimaklumkan tentang apa-apa perkembangan terkini tepat pada masanya supaya mereka boleh membuat keputusan termaklum. Meskipun takrifan tadbir urus korporat secara tidak langsung merujuk kepada kepentingan pemegang saham, namun turut dinyatakan bahawa tiada kompromi terhadap penglibatan pihak berkepentingan.

- Pengekangan risiko

Kepantasan pendedahan maklumat yang penting dapat membantu mengurus risiko dengan berkesan. Pelabur dan penganalisis boleh menilai potensi kesan maklumat yang didedahkan dan menyesuaikan strategi pelaburan mereka dengan sewajarnya. Tindakan ini mampu mengurangkan kerugian atau memaksimumkan keuntungan. Laporan penyelidikan dapat disediakan menggunakan maklumat yang terkini manakala sasaran harga dapat ditetapkan berdasarkan maklumat terkini yang sudah tersedia.

- Meningkatkan kecekapan pasaran

Apabila maklumat yang relevan disebarluaskan dengan segera, harga pasaran dapat disesuaikan dengan pantas bagi mencerminkan data baharu. Ini menggalakkan kecekapan pasaran dengan meminimumkan turun naik harga serta memberikan gambaran yang lebih tepat tentang nilai sesebuah syarikat. Kemudian barulah dapat berlaku proses penemuan harga.

- Pematuhan undang-undang serta mengurangkan liabiliti

Kegagalan untuk menzahirkan maklumat penting tepat pada masanya boleh mendedahkan syarikat kepada liabiliti dan tindakan undang-undang selain sekatan kawal selia. Pemegang saham boleh mengambil tindakan derivatif terhadap pengarah syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Pematuhan terhadap syarat-syarat pendedahan mengurangkan risiko ini, sekaligus melindungi reputasi dan kestabilan kewangan syarikat.

- Daya saing di peringkat global

Dalam ekonomi global yang saling berhubung, pendedahan yang tepat pada masanya mampu meningkatkan daya saing syarikat. Ia dapat menarik pelabur antarabangsa (yang amat diperlukan) serta membolehkan syarikat mengakses pasaran modal dengan terma yang menggalakkan. Oleh itu, pendirian teguh Bursa Securities terhadap maklumat yang tidak simetri, iaitu maklumat penting yang tidak dizahirkan tepat pada masanya, adalah cara yang betul untuk membina keyakinan pasaran ekuiti. Meminjam kata-kata Bursa Securities,

semuanya berkisar tentang 'kredibiliti korporat, integriti pasaran dan keyakinan pelabur'.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 9 hingga 13 Oktober 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
09.10.23 (Isnin) 10.30 pagi	Komarkcorp Berhad (EGM)	<p>Komarkcorp mencadangkan untuk menyatukan setiap lima saham biasa sedia ada dalam Komarkcorp kepada satu saham Komarkcorp.</p> <p>Pengurangan bilangan saham yang ada dalam pasaran dapat mengurangkan turun naik harga dagangan bagi saham tersebut.</p>
11.10.23 (Rabu) 10.00 pagi	MMAG Holdings Berhad (EGM)	MMAG mencadangkan pelaksanaan Penyatuan Saham iaitu penukaran 10 saham sedia ada menjadi satu dan Terbitan Hak yang menawarkan enam Saham Hak dan tiga waran untuk setiap Saham yang Disatukan.
11.10.23 (Rabu) 02.00 petang	Tomypak Holdings Berhad (EGM)	<p>Tomypak berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pemerolehan 100% kepentingan dalam EB Packaging Sdn Bhd dengan balasan berjumlah RM105 juta, yang akan dilunaskan dalam dua fasa iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Cadangan pemerolehan 70% kepentingan ekuiti dalam EB Packaging dengan balasan wang tunai berjumlah RM73.5 juta.</li><li>- Cadangan opsyen panggilan dan opsyen jual untuk memperoleh baki 30% kepentingan ekuiti dengan pertimbangan tunai maksimum sebanyak RM31.5 juta.</li></ul> <p>Pemerolehan itu bertujuan meningkatkan pendapatan dan keuntungan Tomypak.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>		
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>	
MMAG Holdings Berhad (EGM)	<p>Kumpulan telah menyelesaikan tiga penempatan peribadi dalam tempoh dua tahun yang lalu. Dana yang terkumpul adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- RM13.6 juta pada 26 Oktober 2022.</li> <li>- RM15.6 juta pada 30 Ogos 2021.</li> <li>- RM37.4 juta pada 12 Julai 2021 (halaman 18-19 Pekeliling). Satu lagi cadangan pengumpulan dana akan dibentangkan pada EGM yang akan datang.</li> </ul> <p>Bilakah Lembaga Pengarah menjangkakan Kumpulan dapat menjana aliran tunai yang mencukupi daripada aktiviti operasi supaya ia dapat mengurangkan pergantungan kepada pelaksanaan pengumpulan dana yang berulang?</p>	
Tomypak Holdings Berhad (EGM)	<p>MOU sebelum ini yang ditandatangani antara Tomypak, Promoter (secara kolektif merangkumi Siow Chew Kiong, Teo Kee Lin, Hoo Jik Heng dan Teo Peng Hong) dan RMCP Plastics Holdings Sdn Bhd (RMCP) untuk memperoleh pegangan dalam EB Packaging akan luput pada 31 Oktober 2022. Apabila MOU tersebut tamat tempoh dan perjanjian muktamad dengan RMCP untuk memperoleh pegangannya dalam EB Packaging tidak dipenuhi dalam Tempoh Eksklusiviti, syarikat akan kehilangan deposit berjumlah RM1.465 juta yang telah dibayar kepada RMCP.</p> <p>Bagaimanapun, pada 14 Jun 2023, Tomypak mengumumkan bahawa mereka telah menandatangani perjanjian penjualan saham bersyarat dengan Promoter dan RMCP untuk memperoleh EB Packaging dengan sehingga RM105 juta melalui pemerolehan 70% terlebih dahulu dan baki 30% melalui opsyen panggilan dan opsyen jualan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Mengapakah Tomypak membuat keputusan untuk memulakan semula rundingan dengan Promoter dan RMCP sejurus selepas tarikh luput MOU tersebut, yang mengakibatkan kehilangan deposit berjumlah RM1.465 juta serta terpaksa menanggung yuran profesional sebanyak RM1.8 juta?</li> <li>b) Memandangkan ketiga-tiga pihak (Tomypak, Promoter dan RMCP) kini berada di peringkat lanjutan dalam perbincangan untuk memperoleh dan melupuskan kepentingan dalam EB Packaging, adakah syarikat dapat semula bayaran balik deposit berjumlah RM1.465 juta yang dilucutkan hak sebelum ini?</li> <li>c) Urus niaga itu dijangka menelan belanja kira-kira RM6 juta, yang merangkumi yuran pemberokeran berjumlah RM2.625 juta dan yuran profesional sebanyak RM2.616 juta. Yuran</li> </ol>	

	pembrokeran tersebut dibuat kepada siapa? Sila berikan nama/ nama-nama broker berkenaan.
--	--

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
 Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
 Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))  
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.